

# DBKL naik taraf penghadang laluan pejalan kaki mesra OKU

Oleh ENGPU SHARIFUL AZNI 18 Ogos 2022 06:19pm **Masa membaca: 1 minit**



DBKL akan menggantikan semua aset penghadang batu tersebut kepada penghadang mesra OKU secara berperingkat.

KUALA LUMPUR - Laluan pejalan kaki yang dipasang penghadang atau 'rubber bollard' di ibu kota akan dinaik taraf secara berperingkat bagi memudahkan orang kurang upaya (OKU) menggunakan kemudahan tersebut.

Langkah yang akan diambil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu adalah sebagai maklum balas terhadap penulatan sebuah video mengenai kesukaran orang awam ketika melalui penghadang sedia ada.

Menerusi kenyataan di Facebooknya, DBKL memaklumkan tujuan utama pemasangan penghadang batu berkenaan adalah untuk menghalang motosikal dan penjaja menggunakan laluan siar kaki.

"Ia dipasang secara berselang-seli atau zig-zag dengan jarak tertentu supaya kenderaan tidak boleh melalui laluan siar kaki.

"Bagaimanapun, kerusi roda dan kereta sorong bayi boleh melalui akses tersebut," katanya menerusi penerangan video di Facebook DBKL pada Khamis.

DBKL memaklumkan, video yang tular tersebut dirakam pada sudut hadapan dan mereka yang berkerusi roda atau menolak kereta sorong bayi boleh melepasi halangan itu dari sudut tepi.

Dalam pada itu, DBKL berkata, projek naik taraf penghadang tersebut telah bermula sejak dua bulan lalu yang bersifat mesra OKU.

"Jadi DBKL akan menukarkan aset-aset lama secara berperingkat dengan produk yang baru ini," katanya.

Baru-baru ini, seorang pengguna akaun Twitter berkongsi rakaman video kesukaran menolak kereta sorong bayi ketika melalui laluan yang dipasang penghadang tersebut.